

24/09/2002

Wanita perlu bersikap positif bagi saingi lelaki

KOTA KINABALU, Isnin - Wanita negara ini perlu mengubah cara berfikir dan mengikis perasaan tidak yakin serta rendah diri supaya mampu merebut setiap peluang disediakan kerajaan.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata ramai wanita yang berkebolehan tetapi tidak yakin pada diri sendiri, malu dan berasa tidak mempunyai kemahiran.

Katanya, perubahan kepada sikap positif penting supaya wanita dapat bersaing dan mencapai kemajuan setanding lelaki.

Sebagai contoh, katanya, jika wanita mahu menceburinya dan ada peluang dalam bidang keusahawanan, ia hendaklah direbut dan jangan sekali-kali berfikir semua yang kerajaan sediakan hanya untuk lelaki.

"Alaf baru ini memerlukan wanita yang mampu bersaing pada setiap peringkat dan berkualiti. Peluang yang kerajaan beri begitu banyak dan wanita mesti yakin untuk merebut peluang berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga, di Hotel Pacific Sutera, di sini hari ini.

Mesyuarat itu antara lain membincangkan mengenai Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, terutama yang membabitkan peruntukan untuk pembangunan wanita.

Turut hadir Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang juga ahli Exco Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Sarinum Sadikun.

Sambil menegaskan kerajaan Barisan Nasional (BN) memberi banyak peluang dan mengutamakan pembangunan wanita, Shahrizat berkata, ia berbeza dengan kerajaan Pas yang tidak memberi peluang kepada wanita.

"Bagaimanapun, kerajaan pembangkang seperti Pas...mereka tidak akan memberi peluang kepada wanita. Kerajaan Pas bukan mahu membangunkan wanita, tetapi ingin membawa wanita kembali ke zaman dulu iaitu zaman jahiliyah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Shahrizat berkata, usaha untuk memastikan suara wanita didengar dalam setiap peringkat sudah mendapat pengiktirafan.

"Saya difahamkan wakil wanita mesti ada dalam jawatankuasa peringkat Parlimen dan wakil wanita diwajibkan membuat keputusan di setiap kawasan Parlimen.

"Dalam hal ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana ia adalah satu anjakan paradigma. Keadaan itu memberi banyak manfaat kepada wanita, terutama pada peringkat akar umbi. Oleh itu, wanita yang menjadi wakil dalam jawatankuasa itu perlu melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin," katanya.

Mengenai program satu kampung satu industri, beliau berharap semua pihak terbabit memastikan penyertaan wanita adalah sesuatu yang bermakna.

Shahrizat turut berharap wanita yang berhasrat menyertai bidang perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tidak berlengah kerana sekarang adalah peluang terbaik berbuat demikian.